

BULETIN KPKT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BIL 3/2015



#BAJET 2016: TERIMA KASIH YAB PERDANA MENTERI



APLIKASI CAKNA
MUDAHKAN ADUAN
DISALUR KEPADA PBT

Muka surat 5



KEMERIAHAN HARI
KELUARGA DAN KARNIVAL
SUKAN KPPT 2015

Muka surat 21



SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua Editor

Norhayati binti Abd Manaf
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila binti Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam

Noraidah binti Mohd Noor

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Landskap Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tuntutan Perumahan dan Pengurusan Strata
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan
Kerajaan Tempatan
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar dan Inspektorat
Bahagian Kewangan dan Perolehan
Bahagian Akaun
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Kesejahteraan Bandar
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Bahagian Audit Dalam
Unit KPI
Unit Integrasi

Fotografi

Ahmad Marzuki bin Othman
Nadila binti Nordin
Shah Zanizam bin Shamsudin

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat mengalu-alukan sumbangan artikel
daripada warga KPKT yang boleh dikemukakan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel : (603) 8891 5556

Faks : (603) 8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my

Portal : www.kpkt.gov.my

Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

Tinta Pena



Sidang Redaksi

Assalamualaikum w.b.t, salam sejahtera dan salam 1Malaysia,

Tahun 2015 telah berlalu meninggalkan kita. Tempias kesuraman ekonomi dunia menjadikan 2015 antara tahun paling mencabar kepada negara. Walau bagaimanapun, semua itu tetap dihadapi dengan yakin oleh Kerajaan dalam usaha meneruskan agenda negara, termasuk KPKT. Hal ini adalah kerana tanggungjawab menyediakan persekitaran dan kehidupan lebih baik demi kesejahteraan rakyat perlu dilaksanakan dalam apa keadaan sekali pun.

Buletin KPKT kali ini memuatkan pelbagai usaha pelaksanaan dan pencapaian inisiatif/program yang berlangsung sepanjang Oktober hingga Disember 2015. Dalam tempoh ini, KPKT melipat gandakan usaha dalam melunaskan amanah kepada rakyat terutamanya dalam perkara berkaitan pembasmian kemiskinan bandar, pemilikan rumah mampu milik, pengurusan sisa pepejal, pengurusan kesejahteraan bandar, transformasi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kebombaan dan penyelamatan. Di samping itu, KPKT juga melaksanakan program-program yang dapat mengeratkan silaturahmi sesama warga KPKT.

Melangkah ke tahun baharu, YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan komited untuk menjadikan tahun 2016 sebagai tahun penting dalam meningkatkan taraf hidup rakyat menerusi pelbagai pendekatan produktif.

Sehubungan dengan itu, bagi memandu KPKT untuk melaksanakan peranan dan fungsinya sejajar dengan perubahan semasa serta menyumbang secara lebih signifikan ke arah pencapaian Wawasan 2020, KPKT telah melancarkan Pelan Strategik KPKT bagi tahun 2016-2020. Pelan strategik ini akan menjadi rujukan utama dalam perancangan dan perancangan dan pelaksanaan strategi, program dan aktiviti KPKT dalam tempoh yang digariskan.

Di kesempatan ini, sidang redaksi ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2016 dan diharapkan tahun 2016 akan menjadi tahun yang lebih baik buat semua rakyat Malaysia amnya dan warga KPKT khususnya.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Bil 3/2015

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

PASCA #BAJET2016: MENSEJAHTERAKAN KEHIDUPAN RAKYAT



Bertemakan 'Mensejahterakan Kehidupan Rakyat', Bajet 2016 telah dibentang oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri pada 23 Oktober 2015 di Dewan Rakyat. Bajet 2016 memberi tumpuan terhadap lima (5) keutamaan iaitu

- Memperteguh Ketahanan Ekonomi Negara;
- Meningkatkan Produktiviti, Inovasi dan Teknologi Hijau;
- Mempersiagi Modal Insan;
- Memperkasa Agenda Bumiputera; dan
- Meringankan Kos Sara Hidup Rakyat.



Berikut adalah komitmen KPKT dan agensi-agensi lain yang berkaitan dalam Bajet 2016 ini khususnya dalam Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Program Pemilikan Rumah Mampu Milik di Malaysia

#TANYAGOMEN: GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH MAMPU MILIKI RUMAH? BOLEH KE?

YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan telah diundang untuk berbicara santai dalam segmen #TanyaGomen pada 27 November 2015 bagi membincangkan isu berkaitan pemilikan rumah mampu milik oleh golongan berpendapatan rendah. Segmen yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) ini merupakan satu platform yang baik untuk berinteraksi secara terbuka dengan rakyat dan berkongsi idea dan pendapat tentang isu-isu Kementerian dengan hadirin yang hadir dan orang awam yang mengikut segmen ini melalui twitter.

FAKTA MENARIK

Lokasi rumah mampu milik harus berdekatan dengan kawasan pesat ekonomi

Dasar Perumahan Negara bukan hanya mengupayakan rakyat Malaysia untuk membeli rumah, namun lebih pada memberi kediaman yang selesa dan selamat

Bank Negara Malaysia digesa untuk melonggarkan sedikit syarat permohonan pembiayaan pembelian rumah kerana hutang tersebut adalah berdasarkan aset yang baik

Jabatan Perumahan Negara akan menjalankan kajian terperinci ke atas isu penyewaan rumah kos rendah kepada yang tidak layak atau pihak ketiga termasuk warga asing

Konsep "Pay as u Throw" harus dipraktikkan pada masa akan datang untuk mengurangkan kos pelupusan sisa buangan

KPKT memperuntukkan RM2 bilion setiap tahun untuk pengurusan sisa pepejal (40%) dan pembersihan awam (60%)

Peratus kenaikan harga rumah tahunan berjaya diturunkan ke 5.9% (dahulu 12.2%)

Kadar kitar semula boleh menjadi petunjuk ketamadunan sesebuah negara

Konsep "Rent to Own" akan diperkenalkan dalam projek perumahan yang akan dibina

76.1% isi rumah di Malaysia telah memiliki rumah dan oleh itu harga rumah perlu naik dengan kadar yang mampan

Harga rumah mula melambung tinggi bermula tahun 2009

Rumah mampu milik mudahnya didefinisikan sebagai rumah yang berharga tiga (3) kali pendapatan tahunan isi rumah

Inisiatif perumahan mampu milik merupakan salah satu cara memindahkan kekayaan negara kepada golongan miskin



KPKT CADANG TUBUH MAJLIS KESELAMATAN AIR

(Dipetik daripada kenyataan YB Datuk Abdul Rahman bertarikh 21 Disember 2015)



PERUSAHAAN KITAR SEMULA PERLU DILESENKAN

(Dipetik daripada kenyataan YB Datuk Abdul Rahman pada 21 November 2015)

KPKT bercadang mensyaratkan syarikat atau individu persendirian yang menjalankan perusahaan kitar semula supaya memiliki lesen sah di bawah Kementerian berkenaan. Cadangan ini akan dikuatkuasakan pada pertengahan tahun 2016 bagi membantu kerajaan mengumpul data tepat berhubung kadar kitar semula di negara ini dan menggubal dasar dengan lebih tepat pada masa akan datang.

Hal ini adalah kerana, syarikat dan orang persendirian yang menjalankan aktiviti pengumpulan dan perusahaan barang kitar semula merupakan ejen yang amat penting dalam membantu proses pengurusan sisa pepejal di negara ini. Dengan mensyaratkan mereka mempunyai lesen, mereka akan diwajibkan menghantar statistik kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) atau Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Buat masa ini, setiap pengusaha barangan kitar semula hanya perlu memiliki lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Merujuk beberapa laporan berhubung tragedi lemas yang berulang seperti yang dilaporkan oleh pihak media kebelakangan ini, YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) memaklumkan bahawa KPKT memandang serius perkara ini dan sedang mengambil langkah proaktif untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Air bagi menyelaras semua isu berkaitan kes lemas dan keselamatan air.

Pada awal tahun 2016, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye (Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara [NIOSH]) dan YBrs. Tuan Lim Chi'en Cheng (Presiden Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia) telah menghubungi YB Datuk Abdul Rahman bagi membincangkan pembentukan Majlis Keselamatan Air.

Susulan perbincangan tersebut, YB Datuk Abdul Rahman yakin KPKT dapat berperanan secara positif dan signifikan dalam menangani insiden lemas di Malaysia. Beberapa mesyuarat telah diadakan membabitkan KPKT, NIOSH, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, pertubuhan sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi memperincikan butiran pembentukan Majlis Keselamatan Air. Hasilnya, kertas kabinet telah dirangka dan diedar dalam kalangan Kementerian serta jabatan berkaitan bagi mendapatkan input dan komen.

Secara amnya, Kementerian dan jabatan berkaitan ini menyokong cadangan mengenai penubuhan Majlis Keselamatan Air dan KPKT menjadi pihak utama dalam menyelaras program, aktiviti serta maklumat berhubung kesedaran keselamatan air dan sistem amaran awal.

Majlis ini juga akan berfungsi sebagai platform utama bagi agensi kerajaan berkaitan, di samping pertubuhan sektor swasta dan NGO bagi membincangkan perkara berkaitan isu keselamatan air, merangkumi aspek rekreasi, sukan, pengangkutan, pekerjaan atau di rumah.

Kertas kabinet berhubung pembentukan Majlis Keselamatan Air dijangka dapat dibentang di Kabinet pada Januari 2016 bagi mendapat kelulusan.

Adalah menjadi harapan pihak Kementerian, dengan pembentukan Majlis Keselamatan Air ini akan dapat meningkatkan kesedaran semua pihak berkuasa yang berkaitan dan ahli masyarakat terhadap risiko yang ada dan mengambil langkah pencegahan bagi mengelakkan tragedi seperti yang berlaku di Air Terjun Belukar Bukit, Terengganu daripada berulang.



PENYEWAWA PPR ENGGAN BAYAR SEWA BAKAL DIUSIR

(Dipetik daripada kenyataan YB Datuk Abdul Rahman pada 21 November 2015)

Penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) yang enggan menjelaskan bayaran sewa rumah mereka bakal berdepan tindakan tegas termasuk pengusiran berikutan penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara selewat-selewatnya tahun hadapan.

Perbadanan ini ditubuhkan bagi menggantikan fungsi pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagaimana yang diluluskan oleh YAB Perdana Menteri pada Ogos 2015 dan akan dibentang pada peringkat Kabinet dalam masa terdekat. Perbadanan ini ditubuhkan khusus bagi mengurus dan menyelenggara lebih 100,000 unit PPR di seluruh negara termasuk berkaitan sewa.

KPKT akan mengambil tindakan tegas terhadap para penyewa PPR yang enggan melunaskan sewa bulanan mereka sebanyak RM124. Mereka akan diberi amaran dan jika sekiranya masih berdegil, mereka akan diminta keluar daripada rumah tersebut.

Selain itu, KPKT juga akan mengambil tindakan terhadap pemilik atau penyewa PPR yang mengaut keuntungan tinggi dengan menyewakan unit mereka kepada pihak ketiga termasuk warga asing.



APLIKASI CAKNA MUDAHKAN ADUAN DISALUR KEPADA PBT

Aplikasi Cakna merupakan satu inovasi baharu yang dibangunkan oleh KPKT untuk memberi kemudahan kepada orang awam bagi membuat sebarang aduan bergambar kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui peranti mudah alih.

Cakna merupakan cetusan idea daripada YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) melalui kenyataan beliau di Bernama pada 30 Jun 2015 iaitu mewujudkan aplikasi baharu untuk menghantar aduan serta-merta melalui telefon bimbit kepada PBT. Aplikasi ini juga membolehkan pemantauan dan pengendalian aduan secara lebih berkesan oleh pengurusan atasan PBT dan KPKT melalui satu sumber sistem yang sama dan mudah dicapai.

Majlis Pelancaran Cakna telah disempurnakan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) yang diadakan berseksi dengan Seminar Kecemerlangan PBT diadakan pada 29 Oktober 2015 di A'Famosa Resort, Melaka.

Cakna dibangunkan dengan menggunakan kepakaran dalaman Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), KPKT dengan kerjasama Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT). Sebagai permulaan pelaksanaan Cakna, sasaran pengguna yang menggunakan platform *android* boleh membuat aduan manakala perluasan pelaksanaan Cakna menggunakan platform *iOS* dijangka bermula pada Februari 2016. Aplikasi Cakna boleh dimuat turun dari Google Play dengan nama CaknaKPKT.

Terdapat 10 kategori aduan yang disediakan dalam Cakna iaitu kerosakan jalan, tumbuhan/rumput, lampu/lampu isyarat, papan tanda/iklan, serangga/haiwan, sampah, parkir/binaan, pembakaran terbuka, tandas dan longkang/parit.

Bagi fasa pertama pelaksanaan Cakna, sebanyak tujuh (7) PBT yang dipilih sebagai perintis iaitu:

- Majlis Bandaraya Johor Bahru;
- Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah;
- Majlis Perbandaran Alor Gajah;
- Majlis Perbandaran Jasin;
- Majlis Perbandaran Hang Tuah;
- Majlis Perbandaran Bentong; dan
- Majlis Daerah Tanjung Malim.

Walau bagaimanapun, orang awam masih boleh membuat aduan yang berkaitan PBT bukan perintis. Semua aduan ini akan disalurkan kepada PBT terlibat dan dipantau oleh JKT.

Selaras penggunaan hashtag #AmbilPeduli, orang awam diharap dapat menggunakan aplikasi Cakna ini sebaiknya bagi sama-sama membantu PBT untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan yang seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat. Maklumat lanjut mengenai Cakna boleh diperolehi dengan melayari <http://cakna.kpkt.gov.my/>.

Seminar Kecemerlangan PBT

Dalam majlis yang sama, YB Datuk Halimah turut menyempurnakan perasmian Seminar Kecemerlangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2015.

Sepanjang seminar ini, tiga (3) kertas kerja telah dibentang seperti yang berikut:

Bil.	Tajuk Kertas Kerja	Agensi
1.	Inisiatif-inisiatif Kemampanan dan Komponen Teknologi Hijau	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
2.	Penyertaan Awam dalam Pembangunan Komuniti	Majlis Perbandaran Seberang Perai
3.	Pemeriksaan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)	Bahagian Kesejahteraan Bandar, KPKT

PERSIDANGAN KEBANGSAAN LOCAL AGENDA 21 2015

Persidangan Kebangsaan *Local Agenda 21* 2015 atau *Local Agenda 21 National Conference 2015* (LANCE 2015) telah diadakan pada 1 November 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor dengan tema "Komuniti Sejahtera Menyokong Kearifan Pembangunan Mampan".

Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT). Seramai 300 peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada dua (2) orang wakil pegawai *Local Agenda 21* (LA21) daripada setiap PBT.

Program LA21 merupakan satu program untuk membentuk perkongsian antara PBT, masyarakat dan sektor swasta untuk merancang, mencapai kata sepakat dan berswama-sama bertindak terhadap isu-isu pembangunan mampan yang mempengaruhi kehidupan umum. LANCE 2015 diadakan bagi membangunkan identiti LA21 di negara ini pada setiap tahun. Berikutan kumpulan sasar dan objektif yang sama, maka persetujuan telah dicapai supaya persidangan pada tahun ini dianjurkan secara bersama dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru.



PRIHATINKPKT: APLIKASI PENGURUSAN ADUAN MUDAH ALIH UNTUK WARGA KPKT

PrihatinKPKT merupakan sistem pengurusan aduan menggunakan aplikasi mudah alih yang memberi kemudahan kepada warga KPKT untuk menyalurkan sebarang aduan dan cadangan secara terus melalui telefon pintar. PrihatinKPKT telah dilancarkan pada 2 November 2015 semasa Majlis Perhimpunan bersama Penjawat Awam KPKT 2015.

Aplikasi PrihatinKPKT dibangunkan secara dalaman (*inhouse*) oleh BTM dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), KPKT. Sebagai permulaan penggunaan, sasaran pengguna yang membuat aduan adalah yang menggunakan platform *android*.

Objektif aplikasi ini dibangunkan adalah bagi memudahkan warga Kementerian untuk menghantar aduan bergambar menggunakan peranti mudah alih, memberi maklum balas dengan lebih responsif dan membolehkan pihak pengurusan KPKT memantau aduan dengan lebih efisien bagi mewujudkan suasana kerja yang selesa dan sejahtera.

Terdapat lima (5) kategori aduan yang disediakan dalam aplikasi PrihatinKPKT iaitu kebersihan dan kesihatan, kerosakan, keselamatan, keceriaan dan kenderaan.

PrihatinKPKT boleh dimuat turun dari Google Play melalui carian nama PrihatinKPKT. Warga KPKT diharapkan dapat menggunakan aplikasi ini sepenuhnya bagi membantu pengurusan KPKT menyediakan persekitaran tempat kerja kondusif. Maklumat lanjut mengenai Cakna boleh diperolehi dengan melayari <http://prihatin.kpkt.gov.my/>.



HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2015: MALAYSIA KE ARAH BANDAR BERDAYA TAHAN



Bertemakan Bandar Berdaya Tahan (*Making Cities Resilient*) yang didefinisikan sebagai kemampuan bandar dalam mengadaptasi serta menghadapi kesan senario transformasi dan perubahan serta kebolehan untuk segera pulih semula dalam sebarang kemungkinan bencana dan krisis, Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2015 telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 3 November 2015 di Hotel JW Marriott, Kuala Lumpur.

Sambutan HPBS ini adalah acara tahunan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) yang telah disambut semenjak tahun 1949 bagi menghargai peranan perancangan bandar. Namun, sambutan HPBS tahun ini adalah unik kerana KPKT melalui JPBD telah dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Perancang Bandar ASEAN pada 4 November 2015 bersempena dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN.

Bersempena dengan Sambutan HPBS 2015 ini, KPKT juga telah menyampaikan anugerah penghargaan ke atas sumbangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi kerajaan dalam mengukur dan memantau pencapaian dan kemajuan bandar serta luar bandar dengan memberi Anugerah Bandar Mampan 2014 (MURNInets) dan penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau 2015 dan *Community Excellence Award* dan *The Legacy Award For Excellence in Planning* kepada individu dan komuniti yang menyokong ke arah persekitaran komuniti sejahtera.



Pelancaran Sistem *i-Plan*

YB Menteri turut melancarkan Sistem Perancangan Maklumat Guna Tanah Bersepadu (*i-Plan*) semasa Majlis Sambutan HPBS 2015.

i-Plan ialah sistem yang menyimpan, mengurus, mengemas kini, menganalisis dan membekalkan maklumat dan data guna tanah Semenanjung Malaysia secara atas talian. Sistem ini juga mewujudkan pangkalan data bersepadu yang teratur, *seamless* dan sentiasa dikemas kini untuk memudahkan perkongsian maklumat antara agensi melalui capaian secara atas talian.

Objektif utama penubuhan *i-Plan* adalah untuk memudahkan cara pengurusan maklumat guna tanah perancangan, mengintegrasikan teknologi yang melibatkan maklumat *geospatial* dan bukan *spatial*, mengelakkan pertindihan penyediaan maklumat dan mewujudkan pangkalan data bersepadu dan terkini.

i-Plan adalah satu inisiatif pembangunan sistem yang komprehensif melibatkan kolaborasi secara menegak antara JPBD, JPBD Negeri dan PBT. Sistem ini juga melibatkan perkongsian dan kolaborasi secara mendatar antara agensi di setiap peringkat.

Sebanyak 11 JPBD Negeri terlibat dalam mengumpulkan maklumat guna tanah dari semua PBT yang berada di bawah tanggungjawabnya. Manakala sejumlah 98 PBT akan berperanan sebagai pembekal data yang bertanggungjawab untuk membekalkan maklumat guna tanah yang dikemas kini ke JPBD Negeri masing-masing.



HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN 2015 FOKUS #ASINGKAN

Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2015 telah dirasmikan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 12 Disember 2015 di Taman Tasik Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur.

Hari Kitar Semula Kebangsaan 2015 ini dianjurkan dengan usaha sama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), *Malaysian Environmental NGOs* (MENGO) dan syarikat-syarikat konsesi.

Tema sambutan Hari Kitar Semula pada tahun ini ialah #asingkan. Tema ini dipilih bersempena dengan kempen/peraturan pengasingan sisa di punca yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan yang bermula pada 1 September 2015 yang lalu. Semenjak program pengasingan sisa di punca dilaksanakan, sebanyak 396,000 kilogram (kg) sisa kitar semula telah berjaya dikutip oleh syarikat-syarikat konsesi.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan semasa pelancaran Hari Kitar Semula Kebangsaan 2015 antaranya ialah Program *Upcycle*, *treasure hunt*, pameran dan demonstrasi, program derma darah, pertandingan mewarna, pertandingan pengumpulan barangan kitar semula, *car boot sale*, bazaar 3R, aktiviti zumba dan cabutan bertuah. Di samping itu, pihak Animosta Studio Sdn. Bhd. telah menganjurkan persembahan khas maskot Boboiboy sempena kerjasama yang sedang dijalankan dengan JPSPN bagi menerbitkan tiga (3) episod animasi Boboiboy mengenai 3R dan pengasingan sisa di punca.

Bersempena dengan Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2015, KPKT melalui SWCorp telah menganjurkan:

- Pertandingan Pidato Alam Lestari antara Institusi Pengajian Tinggi 2015 juga telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia;
- Pertandingan Kitar Semula Sekolah-sekolah Peringkat Kebangsaan 2015 (dengan kerjasama Kementerian Pendidikan); dan
- Program Forum Perdana Hal Ehwal Islam pada 26 November 2015 di Masjid Saidina Othman Ibnu Affan, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dengan tajuk 'Melarat Nafsu'.



HARI TANDAS SEDUNIA 2015 : TANDAS BERSIH, RAKYAT SELESA

Hari Tandas Sedunia diraikan pada 19 November setiap tahun, di seluruh dunia. Tujuannya adalah untuk memupuk kesedaran umum mengenai amalan budaya tandas yang bersih. Kita inginkan masyarakat di Malaysia dihormati dan disegani kerana jati diri mewujudkan tandas-tandas awam yang bersih, selesa dan selamat digunakan.

Sambutan Hari Tandas Sedunia 2015 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Ahmad Razif Abdul Rahman (Menteri Besar Negeri Terengganu) pada 19 November 2015, bertempat di Dataran Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu, Terengganu. Yang turut hadir ketika majlis ialah YBhg. Dato' Halimi bin Abd. Manaf (Timbalan Ketua Setiausaha [Kesejahteraan Bandar]).

Sambutan tahun ini dianjurkan oleh KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT). Terengganu dipilih sebagai lokasi sambutan kali ini atas komitmen sangat tinggi dan luar biasa yang dipamerkan oleh MBKT dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dalam mewujudkan tandas awam bersih.

KPKT melalui JKT memilih tema "Tandas Bersih, Rakyat Selesa" yang didefinisikan sebagai memenuhi ekspektasi pelanggan di samping mengubah persekitaran perbandaran kepada yang lebih bersih ini adalah selaras dengan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang dilaksanakan oleh KPKT.

Sambutan Hari Tandas 2015 ini dirai bertujuan untuk:

- meningkatkan kesedaran mengenai isu sanitasi dan kebersihan termasuk promosi kebersihan diri, perkhidmatan kebersihan melalui *Sanitation for All* atau Kebersihan untuk Semua; dan
- menggalakkan semua pihak yang berkepentingan, termasuk perjuang hak manusia dan badan-badan bukan kerajaan (NGO), untuk mempromosi dan menggalakkan

perubahan tingkah laku agar menggunakan tandas secara beretika dengan memberi penekanan kepada Fikirkan Pengguna Seterusnya.

Antara aktiviti yang telah dijalankan bersempena dengan Sambutan Hari Tandas Sedunia tahun ini ialah:

- menjalankan audit kebersihan tandas awam di kawasan-kawasan PBT bertujuan memantau tahap kebersihan tandas awam di Malaysia;
- mewujudkan Pelan Tindakan Tandas Bersih Kebangsaan bekerjasama dengan semua Kementerian yang terlibat;
- mewujudkan Manual Pembersihan Tandas Awam bagi kegunaan PBT;
- memperkenalkan Anugerah Pertandingan Tandas Bersih 1Malaysia secara tahunan;
- menyediakan peruntukan yang besar untuk menaiktaraf tandas-tandas awam di PBT, sebagai contoh sejumlah hampir 50 juta diperuntukkan bagi tahun 2014 dan 2015;
- mempergiatkan promosi kesedaran mengenai kebersihan tandas awam di seluruh Negara;
- Seminar mengenai Kebersihan Tandas pada 18 November 2015; dan
- Pembukaan gerai pameran pada majlis Perasmian Hari Tandas Sedunia 2015 yang memperagakan barangan dan peralatan yang berkaitan dengan kebersihan.

Pengauditan Kebersihan Tandas Awam di Kawasan PBT Tahun 2015

Pengauditan tandas awam menggunakan kaedah *star rating* untuk menentukan taraf kebersihan tandas awam telah dijalankan ke atas 10,257 tandas-tandas awam di kawasan seliaan PBT, pada enam (6) bulan pertama tahun 2015. Hasil pengauditan ini mendedahkan hanya 350 (39 peratus) buah tandas berjaya mencapai penarafan 5, 4 dan 3 bintang, dan bakinya, 61 peratus tandas mencapai taraf 2 bintang dan ke bawah.

Pada tahun 2014 dan 2015 Kerajaan pusat telah memperuntukkan sejumlah lebih RM50 juta untuk tujuan menaik taraf tandas-tandas awam di kawasan PBT. Rekod menunjukkan daripada 2,620 buah tandas awam milik PBT di seluruh negara, hampir 60 peratus darinya masih diberi taraf 3 bintang di bawah Program Penarafan Bintang Tandas Awam KPKT. Dengan peruntukan sejumlah itu, kita telah berjaya menaik taraf dan mewujudkan keadaan tandas awam yang selesa di 750 buah tandas awam di seluruh negara.

Matlamat KPKT adalah untuk memastikan tandas-tandas awam di kawasan PBT bertaraf tiga (3) bintang ke atas menjelang tahun 2020.

Kerjasama dengan Agensi Lain

KPKT bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan Malaysia bagi melaksanakan projek di bawah 1Malaysia Green 1Malaysia Clean (1MG1MC) bagi menyediakan tandas awam yang bersih dan selesa kepada para penggunaan amnya, dan pelancong luar, khususnya.

KPKT juga bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan Malaysia, Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) iaitu NBOS7 - Volontourism. Bagi maksud ini, KPKT akan melaksanakan Program Tandas Bersih dengan menggunakan templet NBOS10 - My Beautiful Malaysia seperti yang sedang dilaksanakan oleh KPKT. Program ini akan dilaksanakan secara bergotong-royong dengan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Diharapkan dengan komitmen yang tinggi dari semua pihak, objektif Kerajaan untuk mewujudkan tandas awam yang mesra rakyat di samping meningkatkan pendapatan masyarakat setempat di luar bandar dapat dicapai.



SEMINAR HARI TANDAS SEDUNIA 2015

KPKT melalui JKT telah menganjurkan Seminar Hari Tandas Sedunia 2015 Peringkat Kebangsaan pada 18 November 2015, bertempat di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Halimi bin Abd Manaf (Timbalan Ketua Setiausaha [Kesejahteraan Bandar], KPKT) dan diiringi oleh YBhg. Dato' Haji Mohamad Kamil bin Othman (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu) dan YBhg. Datuk Haji Roslan bin Eusoff (Timbalan Ketua Pengarah, JKT)

Sebanyak empat (4) kertas kerja telah dibentang semasa seminar ini, seperti yang berikut:

Bil.	Tajuk Kertas Kerja	Pembentang
1.	<i>Public Toilets as a City's Asset - A System View of Management and Maintenance</i>	Puan Khairiah binti Mohd Talha (Presiden Eastern Regional Organisation for Planning & Housing)
2.	<i>Universal Design in Built Environment</i>	YBhg. Dato' Sri Ar. Dr. Asiah binti Abdul Rahim (Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa)
3.	<i>Good Practice in Using Public Toilets - Public and Private Partnership in Malaysia</i>	Dr. Indrakaran T. Karthigesu (Bendahari Quality Restroom Association Malaysia [QRAM])
4.	<i>Toilet Maintenance Grading System</i>	Tuan Haji Sulaiman bin Abu Bakar (Timbalan Pengarah Kanan Projek Lebuhraya Usahasama Bhd [PLUS])



Hari Habitat Sedunia disambut pada Isnin pertama setiap bulan Oktober di seluruh dunia secara tahunan. Pada tahun 2015 tema sambutan yang telah ditetapkan pihak UN-HABITAT ialah "Public Spaces for All" (Tempat Awam untuk Semua). Tempat awam seperti jalan dan taman-taman awam sering dilihat sebagai sesuatu yang biasa serta sering tidak diendahkan oleh masyarakat, namun jika dimanfaatkan semaksimum yang boleh, akan menjadi nadi kepada kemajuan sesebuah bandar.

Sebagai *National Focal Point UN-HABITAT*, KPKT telah menganjurkan Sambutan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini pada 5 Oktober 2015 di *One City Mall*, Subang Jaya. Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan). Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha KPKT) serta ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan delegasi asing yang mewakili kedutaan masing-masing.

Sambutan tahun ini menandakan kerjasama menyeluruh antara KPKT, *Eastern Regional Organization for Planning and Housing (EAROPH)*, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Sekolah Kebangsaan Dato' Onn Jaafar, NGO dan pihak berkepentingan yang lain bagi menyokong aspirasi Bangsa-bangsa Bersatu pada peringkat kebangsaan.

Bagi menyemarakkan Sambutan Hari Habitat Sedunia 2015, pelbagai aktiviti telah dijalankan, antaranya ialah:

Habitat Awareness Mobile Team (Habitat AMT)

Habitat Awareness Mobile Team ini adalah salah satu program untuk memberi penerangan kepada warga Malaysia berhubung dengan kepentingan Hari Habitat. Program ini bertindak untuk mempromosikan Hari Habitat Sedunia kepada masyarakat melalui gerai pameran di majlis-majlis rasmi. Antara majlis yang disertai ialah Hari Belia Putrajaya 2015 di Putrajaya, 3R *International Run* di Putrajaya dan Sambutan Hari Habitat Sedunia 2015 di *One City Mall*, Subang Jaya.

Program Kitar Semula

Program Kitar Semula telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Dato' Onn Jaafar pada 1 Oktober 2015. Program ini merupakan program kesedaran bagi memupuk pelajar sekolah untuk lebih bertanggungjawab terhadap penjagaan alam sekitar dan usaha-usaha ke arah melestarikannya selain daripada sebagai salah satu program sokongan kepada pelaksanaan pengasingan sisa di punca yang berkuat kuasa pada 1 September 2015.

Pertandingan Analisis Senario Habitat

Penganjuran Pertandingan Analisis Senario Habitat merupakan platform bagi para pelajar pada peringkat sekolah menengah dan institut pengajian tinggi (IPT) untuk menyumbangkan idea dan pandangan mereka melalui proses analisis serta pemikiran secara kritikal. Pada 4 Oktober 2015, pertandingan peringkat akhir Analisis Senario Habitat ini telah dilaksanakan di Ruang Legar, *One City Mall*, Subang Jaya dan sebanyak 12 buah IPT/sekolah telah membentangkan slaid persembahan mereka. Pertandingan telah dinilai melalui tiga (3) kategori iaitu:



- Kategori Institut Pengajian Tinggi;
- Kategori Menengah Atas; dan
- Kategori Menengah Rendah.

Johan bagi Kategori Institut Pengajian tinggi ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor, johan Kategori Menengah Atas dan Kategori Menengah Rendah ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Johor Bahru, Johor.



National Urban Forum

Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Habitat Sedunia 2015, KPKT dengan kerjasama EAROPH telah menganjurkan National Urban Forum dengan tema "Sustainable Urban Futures" pada 5 dan 6 Oktober 2015, bertempat di *Grand Ballroom The Place@One City*. Forum ini juga mendapat sokongan daripada Institut Perancang Malaysia (MIP), Institut Jurutera Malaysia (IEM), Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) dan MPSJ.

Majlis pembukaan forum ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, dan majlis penutupnya disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek.

Forum ini merupakan satu bentuk sokongan kepada proses pembangunan bandar di negara ini serta menyumbang kepada dialog dan strategi Dasar Bandar Antarabangsa. Antara objektif khusus ini ialah:



INFO

Ruang awam bermaksud taman rekreasi, taman awam, jalan, laluan pejalan kaki, taman permainan, litar jogging, padang bola, dewan permainan dan dewan serba guna yang mana kemudahan ini dapat membantu meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan ketenangan minda.



- menambah inklusiviti pada pembangunan bandar negara dan proses perancangan berkaitan, menggalakkan penyertaan tempatan yang aktif, menggalakkan dialog dan konsensus dalam kalangan pihak yang berkepentingan;
- menyediakan input yang "broad-based and holistic substantive" kepada dasar dan program pembandaran;
- menyokong dan meningkatkan kesedaran mengenai kesesuaian dan keberkesanan dasar dan perancangan pembandaran yang berkaitan kepada khalayak yang luas;
- meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu pembangunan bandar yang mampan, termasuk memantau trend dan impak; dan
- meningkatkan kapasiti pada peringkat kebangsaan dan tempatan melalui perkongsian pengalaman dan latihan.

Forum yang berlangsung selama dua (2) hari ini telah membincangkan dan mengupas topik-topik mengikut sesi plenari seperti yang berikut:

Sesi	Topik	Panel dan Moderator
Plenari 1	<i>Urban Planning and Inclusive Communities</i>	Panel 1 : YB Dato' Maimunah binti Sharif, Yang DiPertua MPSP Panel 2 : Tuan Mak Khuin Weng, Public Advocate Panel 3 : Tuan Ahmad Jefri Clyde, AJC Planning Consultants Sdn. Bhd. Moderator : Tuan Haji Nazri bin Noordin, Presiden MIP
Plenari 2	<i>Built Environment, Culture & Identity</i>	Panel 1 : Ar. Mustapha Kamal bin Zulkarnain (Built Environment, PAM) Panel 2 : Serina binti Hijias (Sustainability, PAM) Panel 3 : Ar. Mel Soong (Identity, PAM) Panel 4 : Ar. Ahmad Najib bin Ariffin (Heritage and Culture, PAM) Moderator : Dr. Veronica Ng, PAM
Plenari Khas	<i>Our Urban Futures</i>	Panel 1 : YBhg. Dato' Ismail bin Ibrahim, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) Panel 2 : Tuan Hamdan bin Abdul Majeed, Ketua Pegawai Eksekutif Think City, Khazanah National Berhad Panel 3 : Tuan Haji Mohd Salem bin Kailany, Timbalan Presiden Kanan, Property Malaysia, Sime Darby Properties Moderator : Puan Khairiah binti Talha, Presiden Kehormat EAROPH
Plenari 3	<i>Urban Parks, Public Spaces and City Resilience</i>	Panel 1 : Prof. Dr. Jamal bin Hashim, United Nations University International Institute for Global Health Panel 2 : Puan Yasmin binti Rasyid, Presiden dan Pengarah Eksekutif Eco-Knights Panel 3 : Puan Nani binti Kahar, Rakan Kongsi Utama labDNA Moderator : Norliza binti Hashim, Setiausaha Agung EAROPH
Plenari 4	<i>Infrastructure and Resource Management</i>	Panel 1 : Ir. Assoc. Prof. Adnan bin Zulkiple, Highway and Transportation Engineering Technical Division, IEM Panel 2 : Ir. Elias bin Saidin, IEM Panel 3 : Ir. Francis Xavier Jacob, Penganalisis Kanan Suruhanjaya Tenaga Panel 4 : Ir. Lum Youk Lee, Mechanical Engineering Technical Division, IEM Moderator : YBhg. Dato' Ir. Lim Chow Hock, Presiden IEM



HARI INOVASI KPKT 2015

Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015 bersekalikan dengan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT 2015 telah diadakan pada 22 Oktober 2015 bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Majlis dimulakan dengan lawatan ke tapak pameran, diikuti dengan ucapan perasmian oleh YB Menteri dan upacara penyampaian hadiah kepada para pemenang dan penerima anugerah.

Antara aktiviti dan pertandingan inovasi yang telah diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015 ialah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT), Pertandingan Pejabat Terbaik 2015 dan Anugerah Inovasi Menteri (AIM) 2015.

Berikut adalah senarai pemenang dan penerima anugerah pada Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015.

Bil.	Aktiviti/Pertandingan	Kedudukan	Agensi	Hadiah
1.	Anugerah Inovasi Menteri KPKT 2015	Pemenang (Tunggal)	Kumpulan Infynity, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Selangor	Wang tunai RM5,000.00, piala dan sijil
2.	Pertandingan Pejabat Terbaik KPKT 2015 (Kategori Jabatan)	Tempat Pertama	Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)	Wang tunai RM1,000.00, piala dan sijil
		Tempat Kedua	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	Wang tunai RM750.00 dan sijil
		Tempat Ketiga	Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS)	Wang tunai RM500.00 dan sijil
3.	Pertandingan Pejabat Terbaik KPKT 2015 (Kategori Bahagian/Unit)	Tempat Pertama	Bahagian Undang-Undang	Wang tunai RM1,000.00, piala dan sijil
		Tempat Kedua	Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa	Wang tunai RM750.00 dan sijil
		Tempat Ketiga	Bahagian Audit Dalam	Wang tunai RM500.00 dan sijil



ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2015

KPKT telah menyenarai pendek enam (6) PBT yang akan dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2015, iaitu:

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)
- Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)
- Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)
- Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)
- Majlis Perbandaran Sepang (MPS)

Keputusan dan upacara penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi AIPBT 2015 telah diadakan semasa Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2015 yang disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa (Ketua Setiausaha Negara) pada 16 Disember 2015. Para pemenang bagi AIPBT 2015 adalah seperti yang berikut:



Kedudukan	Agensi	Hadiah
Pertama	Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)	Piala, sijil dan wang hadiah RM150,000.00
Kedua	Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)	Sijil dan wang hadiah RM100,000.00
Ketiga	Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	Sijil dan wang hadiah RM50,000.00



KPKT, KKLW DAN KBS TERAJU PEMBANGUNAN 1MYC

Bandar Belia 1Malaysia (1Malaysia Youth City [1MYC]) merupakan inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diterajui oleh KPKT bersama-sama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Pelan induk 1MYC ini yang berkonsepkan bandar mesra belia bertujuan menarik golongan muda mendiami kawasan tersebut disediakan oleh KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD).

1MYC diwujudkan untuk transformasi kawasan separa bandar yang kurang membangun kepada kawasan yang lebih moden, dinamik dan mempunyai ciri-ciri tarikan kepada belia luar bandar dan bandar bertujuan untuk:

- memenuhi keperluan dan gaya hidup golongan belia;
- memastikan penyediaan perumahan mampu milik;
- menjana peluang pekerjaan; dan
- penglibatan sektor swasta.

Konsep *Youth City* seperti yang telah diumumkan dalam Bajet 2015 akan memberi penekanan kepada empat (4) keutamaan tersebut melalui penyediaan pelbagai kemudahan khususnya untuk golongan belia yang pada masa ini dalam kumpulan umur 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, 1MYC tidak terhad untuk golongan belia sahaja tetapi merupakan pembangunan yang inklusif, bandar yang mesra belia, bersifat muda (*youthful*) dan *vibrant*.

Pendekatan yang digunakan bukanlah membangunkan bandar baharu tetapi lebih kepada menggunakan infrastruktur bandar sedia ada serta menaik taraf di mana yang perlu sahaja. 1MYC akan menyediakan peluang kepada belia untuk berinteraksi, terlibat dalam bidang keusahawanan, meningkatkan kemahiran dan kreativiti, bersukan dan riadah.

Dalam ucapan Bajet 2015 YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Kerajaan akan membangunkan tiga (3) projek perintis 1MYC iaitu setiap satu di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun berdasarkan keputusan NBOS Summit pada 18 Disember 2014 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tanjung

Malim, Perak dan Putrajaya Sentral, Putrajaya telah dipersetujui sebagai dua (2) projek perintis untuk pembangunan 1MYC Semenanjung.

Tanjung Malim dipilih untuk pembangunan jangka panjang sementara Putrajaya Sentral sebagai *Youth District* bagi pembangunan jangka pendek. Ini akan disusuli oleh Tuaran, Sabah dan Lundu, Sarawak pada tahun 2017 dan 2018.

Dalam pelan Induk 1MYC, terdapat 10 komponen yang akan dilaksanakan oleh KPKT, agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta seperti syarikat berkaitan kerajaan. Komponen 1MYC ialah:

- Art Hub* - pusat tumpuan pelbagai aktiviti kesenian peringkat kebangsaan dan antarabangsa ke arah pembangunan industry kreatif;
- Tanjung Malim *Riverfront* - tempat riadah;
- Perumahan Mampu Milik;
- Knowledge and Skill Centre* - Platform untuk memberi peluang kepada golongan belia untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran;
- Kompleks Sukan Mini;
- Youth Central* - pusat kegiatan dan *training ground* untuk golongan belia;
- Rumah Transit;
- Town Park and Town Square* - tempat rekreasi aktif dan pasif kepada golongan belia;
- Arena Square* - ruang awam untuk aktiviti seperti *buskers corners*, *performing art*, *weekend bazaar*, pesta buku; dan
- Gelanggang *Go-kart*.

Status Pelaksanaan 1MYC

Sehingga Disember 2015, kemajuan pelaksanaan 1MYC adalah seperti yang berikut:

- 1MYC Tanjung Malim**
Art Hub merupakan salah satu komponen pembangunan 1MYC Tanjung Malim sebagai pusat tumpuan pelbagai aktiviti kesenian peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kerja menaik taraf Rumah Rehat Tanjung Malim kepada *Art Hub* telah siap pada September 2015. Pelbagai program berkaitan kesenian di *Art Hub* seperti *Sculpture Installation* dianjurkan untuk mencungkil bakat golongan belia. Selain itu, KBS telah menganjurkan beberapa program seperti Program Leadership yang disertai oleh 80 peserta.

ii. 1MYC Putrajaya

Presint 13 Putrajaya merupakan tapak cadangan bagi 1MYC Putrajaya. Tapak seluas 35 ekar yang terletak bersebelahan IOI *City Mall* merupakan lokasi pembangunan bercampur yang mempunyai rumah transit, hotel pusat rekreasi, taman dan pelbagai lagi komponen pembangunan yang akan dibangunkan secara bersepadu. Pembangunan ini melibatkan usaha sama dengan syarikat swasta yang akan membangunkan keseluruhan 1MYC Putrajaya.

iii. 1MYC Lundu, Sarawak

KPKT melalui JPBD telah membantu pihak kerajaan Negeri Sarawak untuk mengenal pasti komponen pembangunan 1MYC Lundu. Antara komponen pembangunan adalah menaik taraf Kem Belia Pueh, menaik taraf *Jubilee Hall* kepada *Youth Entrepreneur Centre*, menaik taraf *Jubilee Youth Park*, Kompleks Sukan Mini Lundu, Lundu *Riverfront Beautification* dan pembinaan Kolej Vokasional.

iv. 1MYC Sabah

Projek perintis 1MYC di Sabah sedang di peringkat pengenalpastian tapak.

Datuk Mohammad Tinjau Tapak Cadangan 1MYC Tanjung Malim

YBhg. Datuk Mohammad Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT) membuat lawatan kerja ke tapak cadangan projek 1MYC Tanjung Malim pada 3 Oktober 2015 bertujuan untuk berbincang isu-isu berkaitan bersama-sama dengan wakil Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM).

Lawatan ke tapak cadangan projek 1MYC ini juga turut mengenal pasti isu-isu seperti kesesuaian aktiviti dan juga infrastruktur yang telah dicadangkan bagi projek ini termasuk rumah transit.

Antara tapak cadangan projek dikunjungi ialah *Art Hub* yang dikendalikan Enjit Semut. *Art Hub* menyediakan tempat bagi artis tempatan untuk menghasilkan karya seni seperti lukisan yang mana lukisan-lukisan ini akan dijual kepada orang awam.



Menjawab soalan daripada YB Shaharuddin bin Ismail (Kangar) yang bertanyakan mengenai sambutan pelaksanaan pengasingan sisa pepejal, YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan memaklumkan bahawa sebanyak 12,829 notis peringatan telah dikeluarkan kepada penghuni premis di tujuh (7) negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang didapati masih gagal melakukan pengasingan sisa pepejal di premis masing-masing.

Notis ini dikeluarkan dalam tempoh sebulan selepas Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dikuatkuasakan sejak 1 September 2015. Langkah pemberian notis berkenaan adalah bertujuan untuk mendidik masyarakat berhubung kepentingan pengasingan sisa pepejal.

Menurut beliau lagi, tindakan ini akan dilakukan secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran awam sebelum tindakan lebih tegas diambil pada masa akan datang.

“Langkah pemberian notis berkenaan adalah bertujuan untuk mendidik masyarakat berhubung kepentingan pengasingan sisa pepejal”

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan
Dewan Rakyat
21 Oktober 2015

“Langkah pemberian notis berkenaan adalah bertujuan untuk mendidik masyarakat berhubung kepentingan pengasingan sisa pepejal”

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan
Dewan Rakyat
21 Oktober 2015

Berhubung soalan yang dikemukakan oleh YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim (Baling) yang mengesyorkan kepada KPKT agar mengadakan satu *task force* khas untuk meneliti kaedah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan sebagainya dalam mencari kaedah terbaik untuk membantu golongan rakyat yang tidak mempunyai slip gaji mendapatkan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan, YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan menggesa Bank Negara Malaysia (BNM) melihat semula pinjaman perumahan terutamanya untuk rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR).

Gesaan ini dibuat berikutan peraturan ketat yang dikenakan oleh BNM sehingga menyebabkan usaha Kerajaan untuk membolehkan rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah berdepan dengan pelbagai kesukaran.

YB Datuk Abdul Rahman menegaskan bahawa pembeli rumah kos rendah ini terutamanya PPR memohon pinjaman yang jauh lebih rendah daripada nilai rumah tersebut. Rumah PPR mungkin bernilai RM150,000.00, tetapi pembeli hanya meminjam RM35,000.00.

Beliau menyeru pihak bank memberikan sedikit ihsan atau budi bicara memandangkan pinjaman RM35,000.00 itu adalah *against a very valuable piece of property* RM150,000.00. Hal ini adalah kerana risikonya amat kecil dan sepatutnya tiada masalah. Kerajaan mahu memindahkan kekayaan negara ini kepada orang miskin kerana dengan hanya RM35,000.00, mereka boleh memiliki aset bernilai RM150,000.00.

Menjawab pertanyaan yang diajukan oleh YB Datuk Norliza binti Abdul Rahim mengenai dakwaan yang mensyaratkan sekiranya ingin membeli rumah di sesebuah negeri, pembeli perlu menjadi pengundi di negeri itu, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan memaklumkan bahawa beliau tidak pernah mendengar dakwaan seperti yang demikian. Sebaliknya, terdapat kerajaan negeri yang memberikan keutamaan kepada penduduk atau warga negeri tersebut dalam pemilihan rumah.

YB Datuk Abdul Rahman juga memaklumkan bahawa KPKT telah mengambil satu inisiatif baharu iaitu memperkenalkan Sistem Data Bank Perumahan (Teduh) yang dijangka akan dilancarkan menjelang tahun 2016.

Sistem Teduh ini akan membolehkan orang awam mengakses maklumat mengenai senarai unit bumiputera dan baki unit rumah yang belum dijual dalam sesebuah projek perumahan. Sistem ini juga akan membolehkan para pembeli rumah untuk melihat progress report rumah yang dibeli. Orang awam juga boleh mengakses rekod prestasi pemaju perumahan sama ada mereka pernah didenda, dipenaltikan, dikompakan dan sebagainya. Dengan ini, para pemaju perumahan akan lebih berdisiplin dengan pembeli pada masa akan datang. Sistem ini juga akan menunjukkan bilangan kali rumah-rumah tersebut dibeli dan dijual, bertukar tangan dalam masa 10 tahun.

“Kerajaan mahu memindahkan kekayaan negara ini kepada orang miskin kerana dengan hanya RM35,000.00, mereka boleh memiliki aset bernilai RM150,000.00.”

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan
Dewan Rakyat
26 November 2015

“Pada tahun 2016, KPKT akan memulakan satu inisiatif baharu iaitu Program *Rent to Own*. Program ini akan membantu pembeli yang layak membeli rumah tetapi sukar untuk mendapatkan pinjaman.”

YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique
Dewan Negara
15 Disember 2015

Menjawab soalan yang diajukan oleh YB Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omdin mengenai kedudukan dan program yang dilakukan oleh KPKT khususnya kepada golongan muda yang berpendapatan rendah dan sederhana dalam pemilihan rumah pertama, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique memaklumkan bahawa pada tahun 2016, KPKT akan memulakan satu inisiatif baharu iaitu Program *Rent to Own*.

Program ini akan membantu pembeli yang layak membeli rumah tetapi sukar untuk mendapatkan pinjaman. Program ini diguna pakai untuk pemilihan rumah di bawah Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR).

YB Datuk Halimah juga memaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2016 telah membuat pengumuman mengenai Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama yang akan dilaksanakan pada tahun depan untuk meningkatkan keupayaan pemilihan rumah bagi rakyat yang tidak mampu mendapatkan pinjaman bank.

Skim ini adalah untuk pembelian rumah pertama bagi satu isi rumah yang berpendapatan antara RM3,000.00 hingga RM9,000.00, harga jualan rumah minimum RM90,000.00 dan maksimum RM300,000.00, berkeluasan 830 kaki persegi dan merupakan projek perumahan yang berlesen. Skim pembiayaan ini merupakan pemberian Kerajaan kepada pembeli melalui skim pembiayaan deposit sebanyak 10 peratus daripada harga jualan iaitu maksimum RM30,000.00.



MALAYSIAN URBAN STREETS ARTS DAN KARNIVAL AZAM BANDAR (MURAL 2015)

KPKT melalui Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) telah menganjurkan Malaysian *Urban Streets Arts* dan Karnival Azam Bandar (MURAL 2015) pada 30 Oktober hingga 1 November 2015 bertempat di Taman Merdeka, Johor Bahru, Johor. Majlis Pelancaran MURAL 2015 ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

MURAL 2015 adalah program susulan daripada kejayaan pelaksanaan Malaysian *Streets Arts Festival* (MYSAF) yang telah diadakan pada 3 dan 4 Mei 2014 di Teluk Cempedak, Kuantan, Pahang. Festival tersebut adalah sebuah kejayaan yang besar dan telah berjaya menarik kehadiran lebih 80,000 orang pengunjung dengan penglibatan lebih 100 seniman jalanan, 300 band tempatan dan 120 usahawan muda tempatan.

Program yang dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru ini merupakan program yang melibatkan penggiat seni jalanan sebagai tarikan utama dan penglibatan peserta AZAM Bandar untuk memasarkan produk-produk yang dihasilkan.

Sepanjang tiga (3) hari karnival diadakan, seramai 188 orang peserta AZAM Bandar telah terlibat dan berjaya menarik perhatian lebih 3000 pengunjung. Antara produk yang dijual ialah pakaian dan kraftangan, makanan dan minuman dan juga perkhidmatan spa.

Program ini turut memberi penghargaan terhadap kesungguhan peserta yang mana YB Menteri telah menyampaikan Anugerah Peserta Terbaik kepada tujuh (7) orang peserta. Mereka menerima wang tunai sebanyak RM500.00, hamper serta sijil.

MURAL 2015 ini bukan sahaja dapat memperkenalkan program-program di bawah seliaan KPKT, namun, sejajar dengan sasaran jangka panjang Kementerian, program ini dilihat dapat membantu dalam memperkasa bandar serta mevariasikan persekitaran untuk membentuk sebuah identiti yang terbaik.



Semasa majlis pelancaran, BKB turut menyumbangkan *Food Basket* kepada 10 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin dan peserta Kios Penjaja Bergerak bagi tahun 2014/2015. Mereka adalah terdiri daripada dua (2) KIR dari Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), dua (2) KIR dari Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, empat (4) KIR dari Majlis Perbandaran Pasir Gudang, dan dua (2) KIR dari Majlis Perbandaran Kulai.

Yang turut hadir semasa majlis ialah YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT), YB Dato' Haji Ismail bin Karim (Setiausaha Kerajaan Negeri Johor), YBhg. Dato' Halimi bin Abd Manaf (Timbalan Ketua Setiausaha [Kesejahteraan Bandar], KPKT) dan YBhg. Tuan Haji A.Rahim bin Haji Nin (Datuk Bandar MBJB).



Peserta Terbaik

1

Encik Zuki bin Zakaria (Pengusaha Bakeri)

Salah seorang peserta terbaik iaitu Encik Zuki bin Zakaria, 40 tahun yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan merupakan peserta AZAM Bandar tahun 2014 yang dilatih oleh Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (MAHABBAH).

Sebelum menyertai program AZAM Bandar pada tahun 2014, Encik Zuki bekerja sebagai pembantu kedai roti. Ketika itu, beliau telah menimba pengalaman dengan menguasai teknik membuat roti, pastri dan kek daripada pelbagai jenis resepi. Pendapatan beliau ketika itu adalah antara RM700.00 ke RM800.00.

Beliau mula menjalankan bisnes di rumah sebaik sahaja mengikuti program AZAM Bandar tahun 2014. Fokus produk permulaan beliau tertumpu kepada pembuatan roti dan kek yang terdiri daripada pelbagai jenis inti dan perisa. Pendapatan beliau selepas menyertai program ini adalah antara RM1,800.00 ke RM3,000.00.

Kini perniagaan beliau telah berkembang dan beliau telah mampu membuka sebuah kedai di tapak RTC, Kota Bharu, Kelantan dengan mengikuti bisnes *coaching* daripada Mahabbah Malaysia. Pelbagai jenis roti dan kek telah dihasilkan oleh beliau dan permintaannya semakin meningkat dari semasa ke semasa. Kini, beliau mampu mendapat pendapatan sehingga RM10,000.00.

2

Encik Muhammad Syafiqush Syamil bin Mohd Maznan

Encik Muhammad Syafiqush Syamil bin Mohd Maznan berusia 19 tahun menyertai program AZAM Bandar ini dengan Pertubuhan Kebajikan Modal Insan 1Malaysia (PKMI1M) selepas beliau tamat belajar.

Selepas menjalani latihan kursus selama tujuh (7) hari, beliau telah dibekalkan peralatan seperti genarator, meja, kanopi, pengisar buah-buahan bagi membolehkan beliau memulakan perniagaan makanan dan minuman.

Hasil daripada perniagaan tersebut, beliau kini mempunyai jenama minuman "Laici Susu I D'Blended" dan telah mempunyai empat (4) cawangan di sekitar Terengganu. Pendapatan yang diperolehi kini ialah RM2000.00.



Matlamat utama di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) sejak mula diperkenalkan pada tahun 2010 adalah untuk meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah. Pelbagai program dilaksanakan di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara: Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH) bagi memastikan tiada lagi golongan miskin dan miskin tegar di negara ini.

Bagi memastikan matlamat ini tercapai, program GTP 2.0 (2013-2015) menerusi inisiatif NKRA dirancang dan dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada kumpulan sasar yang belum menerima sebarang bantuan Kerajaan. Ini dijayakan di bawah Program Akhiri Zaman Miskin (1AZAM) yang turut membabit program AZAM Bandar.

Program AZAM Bandar dilaksanakan oleh KPKT bermula tahun 2013 bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasar iaitu golongan miskin di bandar supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.



Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Semenjak pelaksanaan program, Kementerian telah bekerjasama dengan 13 NGO. NGO yang terpilih akan melaksanakan program mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Di bawah program AZAM Bandar ini, NGO yang dipilih melaksanakan program akan melaksanakan proses pencarian peserta, latihan, pembekalan peralatan dan pemantauan.



Golongan miskin bandar yang berdaftar dengan eKasih akan dipanggil menghadiri kursus selama tujuh (7) hari selepas NGO membuat bincangan di rumah. Kursus ini terbahagi kepada dua (2) program yang perlu dilaksanakan secara berterusan, seperti yang berikut:

- Program Pembangunan Minda Insan selama dua (2) hari bertujuan untuk meningkatkan jati diri peserta bagi memupuk nilai-nilai yang lebih positif dan seterusnya bersemangat untuk mengubah kehidupan sedia ada yang dibelenggu kemiskinan; dan
- Program Bina Upaya selama lima (5) hari yang mana peserta akan diajar secara *hands on* tentang cara-cara menggunakan peralatan dan latihan amali mengikut kursus-kursus yang ditawarkan, antaranya ialah jahitan, bakeri, *home* dobi, makan sejuk beku dan lain-lain.

Selepas kursus berakhir, peserta akan mengikuti program menjana pendapatan yang mana peserta-peserta akan dibekalkan dengan peralatan mengikut kursus yang dijalani bagi membolehkan peserta menjalankan perniagaan dan memperolehi pendapatan. Seterusnya peserta-peserta ini akan dipantau bagi memastikan pelaksanaan program konsisten. Sehingga tahun 2015, sebanyak 6994 orang peserta telah dilatih diseluruh Malaysia.

Bagi memastikan peserta-peserta yang mengikuti program berjaya, Kementerian menetapkan sasaran agar peserta yang dilatih menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM300.00 untuk tempoh tiga (3) bulan. Pada tahun 2013 dan 2014, sasaran Kementerian adalah seramai 2040 orang peserta. Walau bagaimanapun, Kementerian telah berjaya mencapai 2112 orang peserta yang menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM300.00 untuk tempoh tiga (3) bulan.



PPR TAMAN REBANA SEDIA KEDIAMAN TERES UNTUK 150 KELUARGA

Majlis Penyerahan Kunci Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Rebana, Ladang, Port Dickson, Negeri Sembilan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan (Menteri Besar Negeri Sembilan) dan diiringi oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan pada 13 Oktober 2015.

PPR Taman Rebana yang terdiri daripada 150 unit buah rumah teres, satu (1) unit dewan komuniti, satu (1) unit surau, empat (4) unit gerai makan, satu (1) unit pusat kitar semula dan taman permainan kanak-kanak telah dimulakan pembinaannya pada 26 Mei 2010 dan siap pada 11 Oktober 2011.

Projek ini telah dibina dengan kos sebanyak RM27,123,900.00 ini akan dijual kepada golongan setinggan dan berpendapatan rendah sebagaimana yang diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Mac 2015. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pembeli KPKT telah memuktamadkan 150 orang bakal pembeli. Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan juga telah mengangkat perkara tersebut kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 6 Mei dan 13 Mei 2015.

Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT telah melantik Prokhas Sdn. Bhd sebagai ejen pengurusan jualan untuk tempoh dua (2) tahun mulai 5 Oktober 2015.

TIGA TERIMA BANTUAN RUMAH PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Rumah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB), KPKT pada 1 November 2015. YB Datuk Halimah telah menyerahkan kunci rumah kepada tiga (3) orang penerima bantuan rumah tersebut yang mana setiap rumah dibina dengan kos RM40,000.00.

Penerima pertama ialah Puan Mazidah binti Md Ali yang merupakan seorang ibu tunggal yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah sekolah rendah di Pasir Gudang. Penerima kedua ialah Encik Kamarolazam bin Sidek, yang merupakan seorang pesara tentera yang menyara hidup dengan bekerja sebagai nelayan dan penerima ketiga ialah Puan Rohaidah binti Ismail yang merupakan orang kurang upaya (OKU). Kesemua penerima bantuan rumah adalah terdiri daripada mereka yang berdaftar dengan E-Kasih.

Yang turut hadir semasa majlis ialah YBrs. Encik Mohd Hisam bin Said (Setiausaha, Majlis Daerah Kota Tinggi), YBrs. Encik Norazman bin Othman (Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara [Kejora]) dan YBrs. Encik Ibrahim bin Yahya (Ketua Kampung Tanjung Sedili).

Antara program di bawah PPKB yang dilaksanakan oleh KPKT ialah membina rumah baharu kepada golongan yang layak. Selain itu, KPKT juga akan melaksanakan



program baik pulih rumah bermula tahun 2016. Ini adalah seperti mana bajet yang telah diluluskan YAB Perdana Menteri yang mana sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan untuk meneruskan usaha baik pulih rumah mereka yang berdaftar dengan E-Kasih yang bertujuan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat.

RM24.1 JUTA PULIH PROJEK APARTMENT KELISA RIA

Projek Apartment Kelisa Ria, Kajang, Selangor yang terdiri daripada lima (5) blok bangunan rumah pangsa kos rendah dengan 500 unit rumah telah dipulihkan dengan peruntukan sebanyak RM 24.19 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Kerja-kerja pemulihan telah dimulakan pada 24 April 2013 dan berjaya disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 12 Ogos 2015 oleh kontraktor Imej Warisan Sdn. Bhd yang dipilih melalui tender terbuka.

Projek Apartment Kelisa Ria adalah sebuah projek perumahan swasta yang asalnya dimajukan oleh Syarikat T.J Plaza Sdn. Bhd. di atas tanah milik syarikat tersebut. Kerja pembinaan telah bermula pada tahun 2003 dan sepatutnya siap pada tahun 2006. Namun begitu, pemaju projek menghadapi masalah kewangan dan aliran tunai yang seterusnya telah menyebabkan projek terhenti semasa pemajuan pembinaannya 75 peratus.

Projek ini telah diisytiharkan sebagai projek perumahan terbenkalkai oleh KPKT pada 16 Mei 2011. Syarikat T.J Plaza Sdn. Bhd. telah dikenakan perintah penggulungan syarikat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 16 Mac 2012 dan *Hall Chadwick Corporate Advisory* Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi syarikat bagi mengurus dan mentadbir perjalanan dan hal ehwal syarikat.

Majlis Penyerahan Kunci Projek Terbenkalkai Apartment Kelisa Ria telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 28 Oktober 2015.

15 NOVEMBER 2015

PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA DAN PROMOSI PENGASINGAN SISA DI PUNCA PERINGKAT KEBANGSAAN 2015 DI PPR TAMAN MULIA BANDAR TUN RAZAK





PTS PUPUK RASA KEPUNYAAN TERHADAP KEMUDAHAN DAN FASILITI KAWASAN PERUMAHAN

Pelancaran Program Transformasi Sosial Strategi (PTS) Lautan Biru Kebangsaan (NBOS7) Kejiranan Indah (MyBN) adalah untuk memupuk rasa kepunyaan (*sense of belonging*) para penghuni terhadap kemudahan yang telah disediakan dan dibaik pulih yang perlu dijaga dan diselenggara agar tidak kembali usang dan rosak.

Sepanjang Oktober hingga Disember 2015, PTS telah dilancarkan di tiga (3) lokasi kawasan perumahan, iaitu:



i. Rumah Pangsa Taman Setia Jaya, Alor Setar, Kedah

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 9 Oktober 2015.

Rumah pangsa yang merupakan perumahan awam ini terletak di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dan telah dibaik pulih dengan kos RM2,614,807.00 pada tahun 2012. Inisiatif MyBN yang dilaksanakan oleh KPKT telah merubah rumah pangsa ini menjadi sebuah kejiranan indah yang ceria dan lengkap dengan bangunan yang telah dicat semula, dataran tempat letak kenderaan yang dinaik taraf, penyediaan tempat letak motosikal berkunci, jalan, pencahayaan dan perparitan yang telah dinaik taraf, taman permainan baharu serta persekitaran landskap baru yang indah.

Majlis pelancaran ini diadakan dengan kerjasama MBAS, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, penduduk Rumah Pangsa Taman Setia Jaya dan agensi-agensi yang terlibat.



ii. Pangsapuri Kiara, Batu Berendam, Melaka

Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan bersama-sama dengan YAB Datuk Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron (Ketua Menteri Melaka) pada 31 Oktober 2015.

Pangsapuri ini telah dibaik pulih dan diselenggara dengan kos RM710,000.00 yang diperuntukkan oleh KPKT melalui Program MyBN.

Kini, pangsapuri ini telah bertukar wajah dan menjadi sebuah kejiranan indah yang ceria dan lengkap dengan bangunan yang telah dicat semula, tangki air dinaik taraf dan sistem penyelenggaraan lif yang baharu.

Majlis yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti antaranya ialah demonstrasi latihan kecemasan oleh JBPM Negeri Melaka, teknik pencegahan jenayah ragut oleh PDRM dan pelepasan rama-rama sebagai gimik pelancaran Rakan Taman.



iii. Rumah Pangsa Senawang 1, Seremban, Negeri Sembilan

Majlis pelancaran Program Transformasi Sosial Rumah Pangsa Senawang 1 telah disempurnakan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) yang diiringi oleh YB Dato Jalaluddin bin Haji Alias (Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Sembilan) pada 7 November 2015.

Rumah pangsa yang dibina pada tahun 1965 ini mempunyai enam (6) blok, empat (4) tingkat, 224 unit yang dihuni oleh seramai 1,120 orang penduduk. Rumah pangsa ini telah dibaik pulih dan diselenggara melalui Program MyBN pada tahun 2014 dengan kos RM1,525,082.50. Kos ini melibatkan baik pulih dan penyelenggaraan kerja-kerja pembaikan dan penggantian bumbung, lapisan kalis air dalam tandas serta mengecat bangunan, menaik taraf jalan, lampu jalan dan gelanggang futsal dan menaik taraf landskap dan taman permainan kanak-kanak.

Majlis anjuran bersama Majlis Perbandaran Senawang, Kerajaan Negeri Sembilan dan SWCorp ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti antaranya ialah demonstrasi penyelamatan bomba, perasmian Komuniti 3R, pembukaan gerai-gerai pameran dan penyerahan alatan perkakas taman kepada AJK Rakan Taman.

KOMPONEN PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL

i. Program Bandar Selamat

- Mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan kolaborasi antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Rukun Tetangga
- Menarik suri rumah sebagai Rakan AMANITA (*Peace Lady*) untuk menjadi 'mata dan telinga' kepada pihak polis bagi menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku

ii. Program Bomba Komuniti

- Memupuk kesedaran terhadap keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM.

iii. Program Rakan Taman

- Memupuk semangat kesukarelawanan untuk memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf.

iv. Komuniti Kitar Semula

- meningkatkan kadar kitar semula dengan sasaran 22 peratus menjelang 2020
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) akan membuat kutipan barangan kitar semula secara berjadual

v. Program Kesihatan Persekitaran

- Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah akan melaksanakan Program Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (*Communication for Behavioural Impact, COMBI*) bertujuan untuk melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit berjangkit khususnya demam denggi



SOLID WASTE MODULAR ADVANCE RECOVERY & TREATMENT (SMART) DILANCAR

YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah merasmikan *Solid Waste Modular Advance Recovery and Treatment (SMART)* di Tapak Pelupusan Sanitari Bersepadu Ladang Tanah Merah, Telok Kemang, Negeri Sembilan pada 22 November 2015.

Semasa majlis, YB Menteri turut menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian konsesi antara *Cypark Smart Technology Sdn Bhd (CST)* dengan Kerajaan Pusat. Dokumen perjanjian tersebut ditandatangani YBhg. Datuk Daud bin Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Cypark bagi pihak Cypark dan YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT) bagi pihak Kerajaan Malaysia.



Perjanjian ini membolehkan syarikat mereka bentuk, membina dan mengendalikan kemudahan sisa *SMART* menggunakan dana pembiayaan swasta. Teknologi bersepadu pengurusan sisa pepejal ini menggabungkan beberapa kaedah konvensional, iaitu kemudahan pengasingan/kitar semula, tapak pelupusan sanitari, rawatan biologi (*anaerobic digester*) dan pembakaran tertutup (*incineration*).

Teknologi ini memanfaatkan setiap sisa pepejal yang dilupuskan bermula dengan proses pengasingan barangan terpakai, proses pencernaan *anaerobic* (bagi sisa organik) dan proses pembakaran tertutup sebelum sisa-sisa terhasil dari proses ini dilupuskan di



tapak pelupusan pada kuantiti yang jauh lebih rendah, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan.

Komponen utama *SMART* terdiri daripada pusat pengasingan, loji *Fully Anaerobic Bioreactor System (FABIOS)*, loji *Biomass Waste-to-Energy (WtE)*, tapak pelupusan sanitari dan *Mobile Leachate Treatment Plant*. Sisa pepejal yang berbentuk organik akan diproses menggunakan kaedah *FABIOS* yang akan mempercepatkan proses pereputan bahan organik. Melalui kaedah ini, gas metana berkualiti tinggi dapat dihasilkan dalam jumlah yang banyak. Gas metana tersebut kemudiannya dibakar dalam enjin gas bagi tujuan penjanaan tenaga elektrik hijau.

Bagi sisa pepejal berbentuk bukan organik dan boleh terbakar pula, sisa ini akan diproses di loji *WtE* untuk menghasilkan tenaga elektrik. Sisa dari kedua-dua proses tersebut kemudiannya akan dilupuskan di tapak pelupusan sanitari dan tapak pelupusan inert dengan kuantiti yang jauh lebih rendah. Tenaga yang terhasil dari proses ini pula akan dijual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Berbanding kaedah konvensional, sisa pepejal yang dikutip akan dihantar ke tapak pelupusan tanpa sebarang rawatan dan dilupuskan dalam kuantiti yang banyak. Ini akan memendekkan jangka hayat tapak pelupusan dan sekaligus menyumbang kepada penghasilan dan pembebasan gas rumah hijau.

Projek ini dijangka berupaya meningkatkan pertumbuhan industri teknologi hijau kerana sisa pelupusan diproses bagi menghasilkan sehingga 15Mw tenaga elektrik (*Green Energy*). Ini dapat membantu mencapai sasaran Tenaga boleh Diperbaharui (*Renewable Energy*) negara sebanyak 98Mw pada tahun 2015.



GALLERY WALK LAPORAN MAKMAL PENGURUSAN SISA PEPEJAL 2015

Pada 27 November 2015, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah mengadakan *Gallery Walk* Laporan Makmal Pengurusan Sisa Pepejal 2015 Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.

Gallery Walk ini diadakan untuk membentangkan dapatan daripada makmal tersebut dan mendapatkan maklum balas dan komitmen daripada agensi-agensi kerajaan berkaitan berkenaan pelaksanaan cadangan-cadangan yang telah diutarakan semasa makmal tersebut.

YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan telah mengiringi YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri untuk meninjau *Gallery Walk* ini dan mendengar taklimat yang disampaikan oleh pegawai-pegawai JPSPN dan *SWCorp*. Turut sama semasa sesi ini ialah Menteri-menteri, Ketua-ketua Pengarah dan Ketua Setiausaha Kementerian-kementerian berkaitan.

Makmal Pengurusan Sisa Pepejal telah diadakan pada 27 Mei hingga 17 Jun 2015. Makmal anjuran JPSPN dengan kerjasama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (*PEMANDU*), Jabatan Perdana Menteri ini adalah bertujuan untuk menambah baik pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Malaysia. Ini adalah untuk memastikan negara dapat mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang mampan, menyeluruh, kos efektif dan memelihara alam sekitar serta kesihatan awam serta meletakkan isu pengurusan sisa pepejal sebagai salah satu daripada agenda utama negara.

DATARAN KOTA BELUD: IDENTITI DAN MERCU TANDA BAHARU WARGA KOTA BELUD



PUBLIC PARK IN KUALA LUMPUR CITY CENTRE

Some confusions arose shortly after my press statement yesterday pertaining to an idea replacing the Royal Selangor Club's golf course into a huge public park resembling that of Central Park in New York City. Public parks and green spaces are able to provide our fellow Malaysians the comfort in carrying out various sport, recreational and family activities.

There were mixed reactions to this suggestion, both positive and negative from the society based on the responses on social media last night. I would like to stress that this idea came from the public during the celebration of World Habitat Day 2015 themed "Public Spaces for All".

This is merely a preliminary suggestion which has been received by my Ministry from the public and follow-up discussions have yet to be conducted. The National Landscape Department under the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government will carefully examine the viability of this idea. I believe there is still a long way to go before such proposal can be materialized.

I understand the nostalgia and history attached to this particular golf course in the centre of Kuala Lumpur City and I'm fairly certain there are many who hope for the golf course which was established since 1893 to remain there. However, there is nothing wrong in considering the recommendation put forward by the general public as part of the public discourse on more public parks in the urban areas.

As far as my Ministry is concerned, we need to keep an open mind while allowing the conversations on creating more green spaces for the urbanites to take place.

Datuk Abdul Rahman bin Dahlan
Oct 6, 2015



Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Landskap Dataran Kota Belud, Sabah telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 18 Oktober 2015 bertempat di Dewan Tun Said, Kota Belud, Sabah.

Pembinaan Dataran Kota Belud dengan rekaan komprehensif di tengah-tengah bandar Kota Belud dengan kos kira-kira RM5.05 juta akan membawa imej baharu pada daerah ini akan dilaksanakan oleh KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN).



Idea Dataran Kota Belud dicetus untuk mengintegrasikan pembangunan landskap dengan persekitaran bandar yang beridentiti 'sense of place', selamat dan 'walkable' untuk semua. Pembangunan dataran dengan tema 'Perbandaran Hijau Warisan



Alam' akan menjadi satu lakaran sejarah buat penduduk Kota Belud.

Projek pembinaan dataran ini bakal dilengkapi dengan kerusi taman, pavilion, ruang pejalan kaki, air pancuran, alatan senaman, dan tempat permainan kanak-kanak. Dataran ini juga akan ditanam dan dihiasi dengan pokok-pokok rimbun bagi menjadikan kawasan ini sebagai ruang rehat yang mempunyai nilai estetika tinggi selain menjadi daya tarikan para pengunjung.

Pembangunan dataran ini merupakan salah satu inisiatif KPKT di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang juga melibatkan beberapa inisiatif yang lain, antaranya ialah:

- pembinaan 900 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) Ulu Pirasan melibatkan peruntukkan sebanyak RM169 juta;
- pembinaan 100 unit PPR di Pulau Mantanani dengan peruntukkan sebanyak RM18 juta;
- fasa akhir perancangan pembangunan dan naik taraf Bazar Rakyat, Terminal Bas, Taman Rekreasi Awam Tun Said serta projek pengindahan bandar Kota Belud untuk kesejahteraan penduduk daerah itu; dan
- pembersihan parit-parit di seluruh bandar Kota Belud bagi memastikan parit berkenaan tidak tersumbat yang boleh menyebabkan banjir ketika musim hujan.

PROGRAM PEMBANGUNAN LANDSKAP DAN PENANAMAN POKOK

Program Pembangunan Landskap dan Penanaman Pokok di Dataran Alam Felda Sungai Tengi Selatan, Kuala Kubu Baru, Selangor telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Isa bin Abu Kasim Ahli Lembaga Pengarah Felda, pada 4 Disember 2015.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan ialah pelancaran Rakan Taman iaitu penanaman pokok dan penyerahan Pelan Cadangan Landskap kepada Pengurus Besar Felda, Cawangan Sungai Tengi Selatan.

PROGRAM APRESIASI ALAM DAN ARBORETUM TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA



Satu Program Apresiasi Alam dan Arboretum bersama pelajar Diploma Landskap dan Hortikultur, Politeknik Nilai Negeri Sembilan telah diadakan pada 30 Disember 2015 di Taman Persekutuan, Bukit Kiara. Program ini merupakan sebahagian dari program Pembudayaan Landskap yang dilaksanakan berasaskan Dasar Landskap Negara iaitu Teras Pertama "Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap".

Dalam program ini, peserta telah didedahkan dengan keunikan Taman Persekutuan Bukit Kiara yang melibatkan aspek sumber semulajadi, pembangunan taman arboretum, pengurusan dan penyelenggaraan serta potensi dan aktiviti taman.





ORANG AWAM DIALU-ALUKAN BERI MAKLUM BALAS DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH CAMERON HIGHLAND 2030 (PENGANTIAN)

Majlis Perasmian Publisiti Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highland 2030 (Penggantian) telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakub pada 3 Disember 2015 bertempat di Century Pines Resort, Cameron Highlands, Pahang.

Draf Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highland 2030 (Penggantian) ini merupakan satu dokumen perancangan mengenai semua cadangan pembangunan guna tanah dan fizikal secara terperinci mengikut lot bagi seluruh daerah Cameron Highlands.

Sehubungan dengan itu, orang awam terutamanya penduduk Cameron Highlands adalah dialu-alukan untuk mengemukakan cadangan dan maklum balas menerusi program publisiti dan penyertaan awam draf ini yang diadakan di beberapa lokasi.

Antara lokasi adalah di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Pahang, Kuantan dan Majlis Daerah Cameron Highlands, Tanah Rata bermula pada 3 Disember 2015 hingga 4 Januari 2016. Dua (2) lagi lokasi adalah di Dewan Puncak Arabella, Tanah Rata pada 8, 9, 22 dan 23 Disember 2015 serta di Ruang Legar Kelab Golf Sultan Ahmad Shah pada 15, 16, 29 dan 30 Disember 2015.

Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands disediakan di bawah peruntukan sub seksyen 16(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan perlu dipublisitikan kepada orang awam untuk mendapatkan maklum balas dan akan diwartakan selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Pahang.

Tujuan penyediaan draf ini adalah untuk mengembalikan kegemilangan Cameron Highlands sebagai daerah pelancongan tanah tinggi yang mampan. Ini termasuklah memfokuskan pada kawasan yang memerlukan tindakan pemuliharaan, pemeliharaan dan peningkatan kualiti persekitarannya ke arah mewujudkan komuniti berdaya tahan dan sejahtera dalam tempoh perancangan sehingga 2030.

Pihak pengkaji juga telah merangka konsep pembangunan terpilih dengan memberi tumpuan kepada pembangunan bandar yang tertumpu dan pertanian terkawal. Beliau berkata pasukan pengkaji telah membuat analisis terperinci terhadap isu dan potensi serta mengemukakan cadangan pembangunan guna tanah dan kawalan pembangunan yang menepati kehendak dan hala tuju pembangunan.

Bagi tujuan ini, JPBD telah menubuhkan satu pasukan kerja terdiri daripada pegawai JPBD yang pakar dalam bidang seperti perancangan guna tanah, pengurusan risiko bencana, sistem maklumat geografi, sistem maklumat perancangan dan kajian kemampunan yang dibantu perunding-perunding.

Draf yang disediakan dengan kerjasama Majlis Daerah Cameron Highlands, Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands serta JPBD Negeri Pahang ini dijangka akan diwartakan menjelang pertengahan tahun 2016.

Yang turut hadir semasa majlis ialah YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah (Timbalan Ketua Setiausaha [Dasar dan Pembangunan], KPKT) dan YBhg. Datin Paduka Dr. Dahlia Rosly (Ketua Pengarah JPBD).

Hadir sama dalam majlis ini adalah YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; dan YBhg. Datuk Ab Rahim Bin Md Noor, Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp.



PELAN STRATEGIK KPKT 2016-2020 DILANCAR

Bersempena dengan Perhimpunan Bulanan KPKT yang diadakan pada 7 Disember 2015, YB Datuk Abdul Rahman telah melancarkan Buku Pelan Strategik KPKT 2016-2020. Yang turut mengiringi YB Menteri ketika pelancaran ialah YBhg. Dato Dr. Tam Weng Wah (Timbalan Ketua Setiausaha [Dasar dan Pembangunan]), YBrs. Puan Nor Inchun Mohamed Salleh (Timbalan Ketua Setiausaha [Pengurusan]) dan YBrs. Puan Normi Nordin (Setiausaha Bahagian Dasar dan Inspektorat).

Pelan strategik ini adalah kesinambungan daripada pelan strategik sebelumnya yang digubal untuk tahun 2013-2015. Pelan strategik ini akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan perancangan yang lebih inklusif bagi memastikan kesejahteraan rakyat dalam tempoh lima (5) tahun terakhir bagi negara mencapai negara maju dengan rakyatnya yang berpendapatan tinggi.

Pelan strategik ini menjadi rujukan utama dalam perancangan dalam menentukan perancangan dan pelaksanaan strategi, program dan aktiviti KPKT dalam tempoh yang digariskan. Warga KPKT dan orang awam boleh mendapatkan *softcopy* pelan strategi ini di Laman Sesawang KPKT, www.kpkt.gov.my.

MESYUARAT PENYELARASAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek, Ketua Setiausaha, KPKT telah mempengerusikan Mesyuarat Penyelaras Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) pada 1 November 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh seramai 300 ahli mesyuarat terlibat antaranya ialah Datuk Bandar/ Yang Dipertua serta pegawai Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK).

Mesyuarat Penyelaras Pelaksanaan PPKB Bilangan 2 Tahun 2015 ini diadakan bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan dan isu-isu berbangkit berkaitan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di Peringkat Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN)/ Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri (JPPN) dan PBT.

Di samping penganjuran mesyuarat, terdapat dua (2) program lain yang telah dilaksanakan iaitu:

- Majlis Ramah Mesra Ketua Setiausaha KPKT bersama PBT dan penyampaian buku pelaburan Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 Bandar fasa 1 bagi tahun 2015 kepada 209 orang peserta daripada 19 PBT dan satu (1) PPPN Pulau Pinang; dan
- Program Lawatan Pemantauan ke Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT), Johor yang diketuai oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Lawatan telah dibuat ke atas tiga (3) KIR yang merupakan penerima bantuan perumahan bandar (bina baharu) di MDKT iaitu Encik Kamarolazan bin Sidek, Puan Mazidah binti Md Ali dan Puan Rohaidah binti Ismail



18 November 2015

YB Menteri ke kawasan banjir kilat Sungai Segget, Johor



17 Oktober 2015

YBhg. Datuk Ketua Setiausaha Ke PPR Sg. Tengah dan Kg. Tabuan Melayu, Sarawak



29 Oktober 2015

YB Menteri ke Tapak Perlupusan Sisa Pepejal Sg. Udang, Melaka



29 Oktober 2015

YBhg. Datuk Ketua Setiausaha ke PPR Air Hangat dan PPR Paya Rumpit, Melaka



8 Oktober 2015

YB Timbalan Menteri ke NBOS Kota Belud, Sabah



3 Disember 2015

YBhg. Datuk Ketua Setiausaha ke PPR Kiansom, Sabah



29 Oktober 2015

YBhg. Datuk Ketua Setiausaha ke PPR Air Hangat dan PPR Paya Rumpit, Melaka



MAKAN MALAM MEDIA BERSAMA DATUK ABDUL RAHMAN *FULL HOUSE*

Pada 7 Disember 2015, bertempat di Hotel Shangri-La, Putrajaya telah berlangsung Majlis Makan Malam Media bersama YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Majlis makan malam ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK), KPKT bertujuan untuk meraikan para pengamal media yang telah banyak menyumbang dalam menyampaikan maklumat dan agenda Kementerian kepada rakyat dan mewujudkan hubungan yang harmoni antara Pengurusan Tertinggi KPKT dengan pihak media.

Majlis yang bertemakan 'colour block' ini telah dihadiri oleh lebih 250 orang pengamal media yang terdiri daripada ketua biro, editor, wartawan dan jurukamera dari agensi media cetak, media elektronik dan media dalam talian.

Yang turut hadir pada majlis ialah YBhg. Dato' Haji Ibrahim bin Abdul Rahman (Ketua Pengarah, Jabatan Penerangan Malaysia), YBrs. Puan Nor Inchun binti Mohamed Salleh (Timbalan Ketua Setiausaha [Pengurusan], KPKT), YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah, (Timbalan Ketua Setiausaha [Dasar dan Pembangunan]), Ketua-ketua Pengarah dan Setiausaha-setiausaha Bahagian serta Pegawai Perhubungan Awam KPKT dan jabatan di bawah KPKT.



Instagram



#Sesi Hi-Tea with @mpkotabelud 6min



YB Menteri menjemput pengikut-pengikut Twitter beliau untuk Sesi Hi-Tea with @mpkotabelud pada 6 Oktober 2015



KPKT SERTA NBOS *OUTREACH PROGRAM*

KPKT merupakan salah satu agensi Kerajaan yang menyertai NBOS *Outreach Program* pada 5 dan 6 Disember 2015 bertempat di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi, Kedah. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa (Ketua Setiausaha Negara).

NBOS *Outreach Program* ini melibatkan penjawat awam di Zon Utara yang terdiri daripada empat (4) buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak dengan sasaran peserta seramai 2,000 orang. Sasaran peserta turut melibatkan penjawat awam bagi kumpulan minat khusus dalam bidang data sains atau *Data Science Interest Group* (DSIG).

Program ini diadakan dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUKN) Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak serta agensi rakan strategik inisiatif 1Pesara dan 1Serve.



YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan di Program Menteri Menjawab di RTM1 bersama Parlimen Belia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaya berbicara mengenai "Patriotisme Generasi Muda" pada 8 Oktober 2015



HARI KELUARGA DAN KARNIVAL SUKAN KPKT 2015 MERIAH

Hari Keluarga dan Karnival Sukan KPKT 2015 telah diadakan pada 14 November 2015 bertempat di Tempat Letak Kereta Terbuka KPKT, Presint 4, Putrajaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri), YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha), Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-ketua Pengarah, Setiausaha-setiausaha Bahagian dan warga kerja KPKT dan keluarga masing-masing.

Pelbagai aktiviti dan acara menarik dijalankan sepanjang karnival ini, antaranya ialah:

- Pertandingan Karaoke
- Pertandingan Menghias Kek Aising VIP Lelaki (Gred 54 Ke atas)
- Pertandingan Gubahan Bunga VIP Wanita (Gred 52 Ke atas)
- Pertandingan Ukiran Buah (Terbuka)
- Pertandingan Gubahan Buah (Terbuka)
- *Parents-Children Look Alike* (Terbuka)
- Sukan Ekstrem
- Cabutan Bertuah
- *Kids Zone*
- *Recycle Corner*
- Demo Bomba
- Demo masakan bersama Chef Florence Tan
- *Live Band* - SWCorp
- *Car Boot Sale & Preloved Items* (Terbuka)
- Jualan Buah-buahan
- Jualan Benih Pokok

Pada hari tersebut, turut berlangsung majlis penyampaian hadiah bagi acara-acara sukan yang telah dijalankan lebih awal oleh Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP), antaranya ialah badminton, bowling, futsal, ping pong, karom, congkak, catur dan dart.

KPKT menganjurkan Hari Keluarga dan Karnival Sukan KPKT 2015 ini sebagai salah satu usaha sokongan terhadap Sambutan Hari Sukan Negara ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan'.



Objektif

- Memberikan ruang kepada keluarga besar KPKT untuk melakukan aktiviti riadah bersama
- Sebagai landasan untuk saling mengenali dan mengeratkan hubungan ukhwah dalam kalangan ahli keluarga KPKT
- Membuka minda dan kesedaran pasangan staf untuk bersama-sama menyumbang ke arah peningkatan kualiti kerja
- Menyemarakkan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan
- Mewujudkan persefahaman dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan ahli keluarga KPKT sekali gus dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja

Tema

Semua warga KPKT bersatu hati di bawah satu lambang, ibarat satu famili yang besar, merobohkan dinding silo, meruntuhkan batas tugas dan merapatkan jarak demi menjayakan matlamat





DATUK HALIMAH SEMPURNAKAN PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KOTA TINGGI

YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique telah merasmikan Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Kota Tinggi, Johor pada 14 Disember 2015.

Balai kelas B ini telah dibina semula dengan kos sebanyak RM6.6 juta. Balai ini dibina semula pada tahun 2006 bagi menggantikan balai bomba dan penyelamat (BPP) yang dibina pada tahun 1958 dan mula beroperasi pada tahun 1960 dan siap sepenuhnya pada tahun 2008.

Pihak Kementerian mengharapkan agar balai ini dapat dibina di tapak yang lebih luas, namun ekoran lokasinya yang terletak di tengah bandar dan tersepit dengan pembangunan maka balai ini hanya dapat dibina di tapak sedia ada.

Selain itu, terdapat tiga (3) buah balai bomba kelas C akan dibangunkan dalam kawasan daerah ini termasuklah di Bandar Tenggara di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). Pembinaan balai bomba di Bandar Tenggara nanti dapat membantu kerja menyelamatkan di dua (2) buah kawasan daerah yang berhampiran iaitu Kluang dan Kulai.

Hadir sama ketika majlis ialah YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah (Timbalan Ketua Setiausaha [Dasar dan Pembangunan] KPKT), YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, JBPM) dan YBrs. Tuan Othman bin Abdullah (Pengarah, JBPM Negeri Johor).

26,721 ANGGOTA BOMBA SIAP SEDIA HADAPI KEMUNGKINAN BANJIR

(Dipetik daripada kenyataan YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique pada 14 Disember 2015)

Seramai 26,721 anggota bomba dari 277 balai bomba di seluruh negara telah bersiap sedia menghadapi kemungkinan bencana banjir pada hujung tahun 2015 dan awal tahun 2016. Daripada jumlah itu, seramai 12,649 adalah anggota sepenuh masa, 577 anggota bomba bantuan manakala 13,495 lagi adalah anggota bomba sukarelawan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) turut bersedia dari segi peralatan serta kerjasama dengan agensi yang berkaitan. Sebanyak 7,036 unit jaket keselamatan untuk kegunaan kerja menyelamatkan turut disediakan untuk berdepan banjir kali ini. Pelbagai aset juga sudah dipersiapkan jabatan itu yang merangkumi tujuh (7) buah helikopter, 240 buah lori, 541 buah bot, kenderaan pacuan empat roda serta jet ski.

JBPM juga sudah mengaktifkan bilik gerakan banjir di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, sejak 20 November 2015.



BOMBA SABAH TERIMA KEPERLUAN LOGISTIK BANJIR

YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Jentera Penyelamat kepada JBPM Negeri Sabah di Balai Bomba dan Penyelamat Kota Belud pada 6 Disember 2015.

JBPM Sabah menerima keperluan logistik banjir membabitkan lapan (8) lori utiliti, manakala Balai Bomba dan Penyelamat Kota Belud menerima tiga (3) buah bot penyelamat, sebuah lori tangki air berkapasiti 20,000 liter dan sebuah jentera perubatan kecemasan (EMRS).

LEBIH 600 ANGGOTA BOMBA SIAP SIAGA HADAPI BANJIR DI SABAH

(Dipetik daripada kenyataan YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan pada 6 November 2015)

Lebih 600 anggota bomba dan penyelamat di seluruh Sabah diperlukan bagi menghadapi kemungkinan berlakunya banjir di negeri Sabah. Selain itu, cuti anggota bomba juga dibekukan semasa musim banjir sebagai salah satu langkah JBPM Sabah dalam persiapan menghadapi bencana banjir. Beliau juga menyokong kerjasama yang terjalin antara JBPM dengan jabatan dan agensi berkaitan ketika kejadian banjir seperti Jabatan Pertahanan Awam Malaysia



TINGKAT KEPERCAYAAN ORANG RAMAI TERHADAP PERKHIDMATAN AMBULANS

Pada 13 Oktober 2015, bertempat di Hotel Grand Season, Kuala Lumpur telah diadakan Majlis Menandatangani *Memorandum of Understanding* (MoU) antara JBPM dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

MoU ini telah ditandatangani oleh YS TPjB Haji Zurkarnain bin Mohd Kassim (Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat) selaku wakil JBPM dan YBhg. Prof. Dato' Sri Dr. Abu Hassan Asaari bin Abdullah (Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Kuala Lumpur) yang mewakili Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan disaksikan oleh YB Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya (Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia) dan YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, JBPM).

Tujuan MoU ini ditandatangani adalah untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan ambulans kepada orang ramai di seluruh negara serta meningkatkan kepercayaan orang ramai terhadap perkhidmatan ambulans yang diberikan oleh JBPM dan Jabatan Kecemasan dan Trauma (JKT).



SINAR BAHARU UNTUK MANGSA KEBAKARAN

Sebuah lagi rumah di bawah Projek Pembinaan Semula Rumah, Program Strategi Lautan Biru (NBOS), Kejiranan Indah telah berjaya disiapkan oleh JBPM Negeri Sarawak bertempat di Kampung Boom Oya, Mukah. Rumah ini merupakan rumah kedua yang berjaya disiapkan pada tahun 2015 selepas projek di Kampung Sebigo, Lundu.

Kejayaan menyiapkan rumah ini telah member sinar baharu kepada Encik Hussin @ Lai bin Saari sekeluarga untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih selesa setelah rumah asal mereka musnah dalam kebakaran.

Majlis penyerahan rumah tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Fatimah binti Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak pada 6 November 2015.

Projek ini merupakan salah satu inisiatif kementerian dan jabatan untuk membantu meringankan beban masyarakat dengan penggunaan kos dan tenaga kerja yang efektif.



CADANG TUBUH BOMBA KOMUNITI SETIAP TAMAN

(Dipetik daripada kenyataan YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique pada 13 November 2015)

KPKT bercadang untuk penubuhan pasukan bomba komuniti di setiap kawasan perumahan seluruh negara secara berperingkat selewat-lewatnya awal tahun 2016. Usaha ini merupakan sebahagian langkah KPKT untuk memperkenalkan garis panduan menangani kebakaran kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jawatankuasa perwakilan penduduk (JPP).

Langkah mewujudkan bomba komuniti ini adalah untuk mengelakkan kemusnahan lebih teruk apabila sesuatu kejadian kebakaran berlaku kerana tindakan awal boleh dilakukan oleh pasukan yang disertai penduduk setempat.

Tindakan awal ini mampu menyelamatkan sebahagian harta benda atau nyawa mangsa sebelum ketibaan pasukan bomba dan penyelamat. Bomba komuniti juga berperanan untuk mengetahui kedudukan pili bomba dan menjaganya.

Melalui penubuhan pasukan bomba komuniti, Kementerian menyasarkan setiap 10 buah rumah di dalam sesuatu taman perumahan akan memiliki sekurang-kurangnya satu alat pemadam api dan ahli pasukan perlu tahu rumah mana yang memiliki peralatan itu.



'HERO' BOMBA AKAN MUNCUL DI KACA TV

KPKT melalui JBPM akan menerbitkan sebuah drama televisyen bertajuk "Hero", yang berkisar tentang tugas serta cabaran anggota bomba, bakal ditayangkan menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) bermula Ogos 2016.

Drama 13 episod ini membariskan beberapa orang pelakon terkenal tanah air antaranya Sharnaaz Ahmad, Tiz Zaqyah, Fezrul Khan dan Rusdi Ramli. Anggota-anggota bomba juga turut terlibat sebagai pelakon lagak ngeri dalam drama ini.

Penggambaran drama ini telah bermula sejak Oktober 2015 dan skripnya berdasarkan insiden kecemasan yang ditangani oleh JBPM merupakan idea YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KPKT juga sedang dalam proses perbincangan dengan syarikat produksi filem tempatan, KRU Productions, untuk menerbitkan filem yang berkisar tentang anggota bomba dan penyelamat. Persetujuan awal yang dicapai menetapkan untuk menerbitkan filem itu dalam tempoh tiga (3) tahun sebagai satu lagi usaha untuk memaparkan dan menghargai pengorbanan anggota bomba selama ini.

Drama ini diharapkan dapat memberi inspirasi dan pendedahan kepada khalayak ramai mengenai kehidupan anggota bomba, sekaligus akan membawa masyarakat lebih menghargai profesion ini.

YB Datuk Abdul Rahman, YB Datuk Halimah dan YBhg. Datuk Haji Mohamad telah turun ke lokasi penggambaran bagi meninjau sesi penggambaran drama bersiri Hero Bomba ini.



PENUTUPAN KEJOHANAN SUKAN EMPAT PENJURU (SUKEP) TAHUN 2015

Pada 11 november 2015, bertempat di Padang A, Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jalan Semarak, Kuala Lumpur, telah diadakan Majlis Perasmian Penutupan Kejohanan Sukan Empat Penjuru (SUKEP) Tahun 2015 yang disertai oleh JBPM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD). PDRM merupakan penganjur bagi SUKEP Tahun 2015. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.

Yang turut hadir ialah YAS Datuk Haji Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah JBPM), YAS Dato' Haji Soiman bin Jahid (Timbalan Ketua Pengarah [Operasi], JBPM), Pengurusan Tertinggi PDRM, PPTD.



Pertandingan akhir bola sepak yang diadakan pada petang tersebut telah dimenangi oleh Polis Diraja Malaysia. Majlis penyampaian hadiah kepada semua pemenang telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa (Ketua Setiausaha Negara).



KEEP IT SEPARATED

DO IT FOR OUR KIDS

THE SEPARATION AT SOURCE CAMPAIGN WILL OFFICIALLY COMMENCE ON

1 SEPTEMBER 2015.

RECYCLABLE WASTE



PAPER




PLASTIC



OTHERS*

Others* : Aluminium, Steel, Metal, Glass, Ceramic, Fabric, Shoes, Rubber, Leather, Electronic Waste, Hazardous Waste.

1x



RECYCLABLE WASTE COLLECTION

Recyclable waste will be collected **once a week**.

RESIDUAL WASTE



KITCHEN WASTE



FOOD WASTE



CONTAMINATED
MATERIALS



DIAPERS

2x



RESIDUAL WASTE COLLECTION

Residual waste will be collected **twice a week**.

SOLID WASTE MANAGEMENT AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT ACT 2007 (ACT 672)

The implementation of separation of waste at source will involve states adopting ACT 672.

For more information, visit www.kpkt.gov.my/separationatsource

#ASINGKAN #KEEPITSEPARATED

MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan Jabatan/Bahagian dibawahnya, sila layari

<http://ehome.kpkt.gov.my/aduan-online> atau SMS ke 15888 atau e-mel ke pro@kpkt.gov.my